Beliau berkata, RISDA juga menyediakan pelbagai kemudahan bagi menyokong kelancaran pemasaran, termasuk jalan pertanian untuk memudahkan hasil getah dibawa keluar dari kebun ke pusat pengumpulan dan pemasaran.

Dalam pada itu, Rubiah mahu RISDA menilai potensi pembangunan kemudahan pemprosesan getah di Sarawak bagi menyokong sektor huluan dan hiliran, memperkukuh rantaian nilai serta membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada masyarakat setempat.

Katanya, Sarawak tidak seharusnya bergantung kepada penjualan bahan mentah semata-mata kerana aktiviti pemprosesan dan pembangunan industri hiliran berpotensi mewujudkan lebih banyak nilai, peluang pekerjaan serta pendapatan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 11 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Suara Sarawak
TAJUK	GEMA jadi platform belia teroka pendidikan dan kerjaya
PAUTAN	https://tinyurl.com/4tmfm8pv

ARTIKEL



Rubiah ketika mempengerusikan mesyuarat di Bilik Mesyuarat Pejabat Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Samarahan, di sini, hari ini.

GEMA jadi platform belia teroka pendidikan dan kerjaya

NUR HAZIRAH SHUKUR 19 jam lepas SARAWAK, UTAMA 19 jam lepas

Facebook Twitter LinkedIn WhatsApp Telegram

JOM BACA E-PAPER SUARA SARAWAK/ NEW SARAWAK TRIBUNE PERCUMA SEAWAL 2 PAGI SETIAP HARI. KLIK SINI

KOTA SAMARAHAN: Golongan belia dan pelajar sekolah di sekitar Kota Samarahan diseru hadir ke Program Gerakan Ekonomi MADANI (GEMA) yang bakal berlangsung dari 19 hingga 23 Ogos ini.

Acara yang diadakan di Halaman Samarahan itu turut memberi tumpuan kepada usaha memperluas akses pendidikan, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), kemahiran serta peluang kerjaya khususnya kepada golongan belia luar bandar.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Datuk Rubiah Wang berkata, penganjuran acara berkenaan merupakan antara pendekatan kementerian untuk turun padang dan mendekati komuniti menerusi pelbagai pengisian yang memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat.

Menurutnya, antara pengisian utama ialah ekspo pendidikan, TVET serta keusahawanan yang memberi peluang kepada pelajar dan belia mendapatkan maklumat mengenai institusi pendidikan, bidang kemahiran serta peluang kerjaya yang tersedia.

"Sekarang TVET bukan lagi pilihan kedua, malah sudah menjadi pilihan utama kerana bidang kemahiran menawarkan peluang pekerjaan yang semakin luas," katanya.

"Kita mahu pelajar dan belia mendapatkan maklumat yang tepat supaya mereka dapat membuat pilihan pendidikan dan kerjaya lebih awal," katanya selepas menghadiri mesyuarat di Bilik Mesyuarat Pejabat Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Samarahan, di sini, hari ini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 11 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Suara Sarawak
TAJUK	1,116.78 hektar kawasan baharu tanam semula getah
PAUTAN	https://tinyurl.com/3ysc7pdx

1,116.78 hektar kawasan baharu tanam semula getah

KUCHING: Sarawak mencatatkan 1,116.78 hektar kawasan baharu menanam semula getah tahun ini, sekali gus menjadi penyumbang terbesar dengan mewakili 28 peratus daripada keseluruhan pelaksanaan Program Tanam Semula RISDA 2026.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang berkata, pencapaian itu menunjukkan kesungguhan pekebun kecil Sarawak memperkasakan tanah kebun, meningkatkan produktiviti dan memastikan industri getah terus berdaya maju.

"Prestasi ini menunjukkan kesungguhan pekebun kecil Sarawak untuk memperkasakan tanah kebun, meningkatkan produktiviti dan memastikan industri getah terus berdaya maju," katanya berucap merasmikan Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Peringkat Zon Sarawak Tahun 2026 di sini, semalam.

Rubiah berkata, usaha berkenaan penting untuk memastikan Sarawak terus memainkan peranan besar dalam pengeluaran getah negara, terutama ketika kerajaan menyasarkan pengeluaran getah sebanyak satu juta tan metrik menjelang 2030.

Menurutnya, sasaran itu bagaimanapun tidak boleh dicapai melalui perancangan di peringkat pentadbiran semata-mata, sebaliknya bergantung kepada kebun yang diusahakan secara tekun oleh pekebun kecil.

Jelasnya, berdasarkan Banci RISDA 2023, terdapat sekitar 90,000 pekebun kecil di Sarawak daripada kira-kira 508,000 pekebun kecil di seluruh negara.

Beliau berkata, komuniti pekebun kecil turut menjadi nadi utama industri getah negara apabila menyumbang 89.4 peratus daripada hasil pengeluaran getah asli negara berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan Malaysia pada Mei 2026.

"Apabila kita bercakap tentang masa depan industri getah, kita sebenarnya sedang membicarakan masa depan 508,000 pekebun kecil di seluruh negara, termasuk sekitar 90,000 pekebun kecil di Sarawak," jelasnya.

Rubiah berkata, pekebun kecil bagaimanapun berdepan pelbagai cabaran termasuk ketidaktentuan harga pasaran, cuaca, peningkatan kos, kekurangan tenaga kerja serta kesukaran memasarkan hasil.

Sehubungan itu, katanya, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah bersama RISDA akan terus memperkukuh keseluruhan rantaian industri getah, daripada pengurusan kebun dan peningkatan produktiviti hingga pengumpulan serta pemasaran hasil.

Beliau turut menggesa lebih ramai anak muda Sarawak melihat industri getah sebagai sektor yang mempunyai masa depan menerusi penggunaan teknologi, mekanisasi dan pemasaran digital.

"Jangan biarkan kebun yang telah dibangunkan dengan susah payah oleh ibu bapa kita, akhirnya terbiar dek kerana tiada generasi yang mahu meneruskannya," ujarnya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **11 OGOS 2026 (ISNIN)**	
MEDIA	Suara Sarawak
TAJUK	Ubah masa depan keluarga
PAUTAN	https://tinyurl.com/2ff76mfb



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 11 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Borneo Post
TAJUK	Revival still a possibility for untended rubber plantations in Sarawak via RISDA
PAUTAN	https://tinyurl.com/ycywuyan

'Revival still a possibility for untended rubber plantations in S'wak via Risda'

KUCHING: There is still hope for some 38,000 hectares of mature rubber plantations in Sarawak that are left untended, said Datuk Rubiah Wang.

According to the Deputy Rural and Regional Development Minister, these trees still have the potential of being brought back into production to increase the nation's rubber output.

She said among the reasons why most of plantations are no longer being managed include ageing owners, and those who have relocated and no longer managing their respective holdings.

"If these individuals do not wish to manage their rubber plantations themselves, Risda Plantation Sdn Bhd (RPSB) can manage them on their behalf through a special agreement with the owners under a win-win arrangement.

"This is to ensure that the mature rubber trees can continue producing, and are not left untapped, as our main objective is to increase the country's rubber output," she said at the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Risda) Smallholders Convention.

"We do not want to waste existing plantations simply because the trees are no longer being tapped."

The Kota Samarahan MP also said Risda is currently identifying the owners of the plantations before seeking their agreement for RPSB to manage their holdings.

On a related matter, she said Risda also serves as an anchor buyer of rubber through RPSB to ensure that the smallholders would always have access to the market and be able to obtain more favourable prices.

"This approach has helped raise rubber prices from RM2.75 per kilogramme to RM2.80 per kilogramme previously, to about RM5 per kilogramme in Peninsular Malaysia, while the highest price recorded in Sarawak was RM4.20 per kilogramme.

"This effort indirectly increases the income of the smallholders," she said.

Rubiah said Risda is also continuing to focus on increasing productivity through good agricultural practices, including the use of technology in tapping and fertilisation methods.

She said the effort would also support the national target of producing one million metric tonnes of rubber by 2030.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 11 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Borneo Post
TAJUK	Effcient marketing support vital for smallholding rubber production
PAUTAN	https://tinyurl.com/ysffzb93



Rubiah (third right) presents a mock cheque for RM1,000 to the recipient of the Outstanding Smallholder Award, as Risda director-general Zainal Azni Zulkifli (second right) and others look on. — Photo by Kentigern Minggu

'Efficient marketing support vital for smallholding rubber production'

KUCHING: Increased rubber production must be supported by efficient marketing channels to ensure smallholders receive fair and sustainable returns, said Deputy Rural and Regional Development Minister Datuk Rubiah Wang.

Speaking at the Rubber Smallholders Convention here yesterday, she said as of July 31 this year, Sarawak contributed 183 metric tonnes to the 8,328 metric tonnes of rubber purchased nationwide under the 'Anchor Buyer' programme managed by Risda Plantation Sdn Bhd.

"Betong and Samarahan are among the top performers in the state, recording purchases of 66.22 metric tonnes and 61.1 metric tonnes, respectively.

"This proves that when collection operations are carried out efficiently and smallholders give their support, the benefits can be enjoyed collectively," she said.

On the Anchor Buyer initiative, which kicked off early this year, Rubiah said the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Risda) not only purchases rubber produce but also connects smallholders to a more efficient marketing ecosystem, making sales more transparent and the payment process faster, while also ensuring better and fairer prices for the commodity.

"We recognise that increased production must be supported by efficient marketing channels to ensure that the smallholders receive fair and sustainable returns.

"It is with this awareness that Risda is actively implementing the Anchor Buyer initiative to establish a more organised, transparent and competitive collection and marketing system," she added.

Rubiah also encouraged smallholders to market their produce collectively to Risda and to maintain the quality of their rubber.

"Quality produce in larger volumes can help reduce costs, streamline marketing and increase value."

To support smoother marketing processes, she said Risda provides various forms of assistance, including agricultural roads to facilitate the transportation of rubber from farms to collection and marketing centres.

"The facilities available need to be fully utilised through the cooperation of all parties. Risda provides collection and marketing channels, while smallholders support the initiative by selling their produce so that the benefits of the Anchor Buyer programme can ultimately be channelled back to them."

Rubiah also called upon Risda to assess the potential for developing rubber processing facilities in Sarawak to support both upstream and downstream sectors, strengthen the value chain, and create more economic opportunities for local communities.

"Sarawak should not rely solely on the sale of raw materials, as processing activities and the development of downstream industries could generate greater value, employment opportunities and income," she said.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 11 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	RISDA jadi pembeli utama getah, tingkat pendapatan pekebun kecil
PAUTAN	https://tinyurl.com/yf23wht6

RISDA jadi pembeli utama getah, tingkat pendapatan pekebun kecil

Inisiatif beli hasil getah mudahkan urusan pekebun kecil, jana pendapatan bermaruah

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Pendekatan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) sebagai pembeli utama atau *anchor buyer* getah berjaya membantu meningkatkan harga komoditi itu dan secara tidak langsung menambah pendapatan pekebun kecil.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang, berkata pendekatan berkenaan mendapat *endorsement* Kabinet dan dilaksanakan sebagai antara usaha kerajaan memperkukuh kedudukan pekebun kecil dalam rantaian pemasaran getah negara.

Beliau berkata, harga getah sebelum ini sekitar RM2.75 hingga RM2.80 sekilogram kini meningkat sehingga RM5 sekilogram di Semenanjung, manakala rekod di Sarawak pernah mencapai RM4.20 sekilogram.

"Turun naik harga ini bergantung kepada pasaran, namun secara tidak langsung pendekatan ini dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil di kawasan luar bandar," katanya pada Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Zon Sarawak, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) KKDW, Datuk Dr Rosian Mahmood dan Ketua Pengarah RISDA, Zainal Azni Zulkifli.

Rubiah berkata, bagi menyokong RISDA sebagai pembeli utama, beberapa inisiatif dilaksanakan, termasuk penyediaan pusat pengumpulan getah dan perkhidmatan pengangkutan bergerak ke kampung bagi memudahkan pekebun kecil menjual hasil tanpa menanggung kos tambahan.

Katanya, melalui sistem berkenaan, pekebun kecil boleh mengumpulkan hasil mengikut jadual dan zon ditetapkan sebelum RISDA datang mengambil hasil berkenaan secara bergerak.

Beliau berkata, setakat 31 Julai lalu, program Anchor Buyer yang diuruskan RISDA Plantation Sdn Bhd merekodkan pembelian sebanyak 8,328 tan hasil getah di seluruh negara, dengan Sarawak menyumbang kira-kira 183 tan.

"Betong dan Samarahan antara kawasan mencatat pembelian tertinggi di Sarawak, masing-masing sebanyak 66.22 tan dan 61.10 tan.



Rubiah hadir pada Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Zon Sarawak di Kuching, semalam.

"Ini membuktikan apabila operasi pengumpulan dilaksanakan dengan cekap dan mendapat sokongan pekebun kecil, manfaatnya dapat dirasai bersama," katanya.

Dalam pada itu, Rubiah berkata, Sarawak mencatatkan 1,116.78 hektar kawasan baharu tanam semula getah tahun ini, sekali gus menjadi penyumbang terbesar dengan mewakili 28 peratus daripada keseluruhan pelaksanaan Program Tanam Semula RISDA 2026.

Jaga kualiti hasil kebun

Beliau turut menggesa pekebun kecil memasarkan hasil secara berkumpulan kepada RISDA dan menjaga kualiti hasil kebun kerana pengeluaran berkualiti dalam skala besar mampu mengurangkan kos, melancarkan pemasaran serta meningkatkan nilai hasil.

Rubiah berkata, RISDA juga perlu menilai potensi pembangunan kemudahan pemprosesan getah di Sarawak bagi menyokong sektor huluan dan hiliran, memperkukuh rantaian nilai serta membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada masyarakat setempat.

"Kita perlu berani melihat lebih jauh. Tidak boleh kita hanya menjual bahan mentah selamanya, sedangkan lebih banyak nilai, peluang pekerjaan dan pendapatan boleh diwujudkan melalui aktiviti pemprosesan serta pembangunan industri hiliran," katanya.

Katanya, usaha memperkukuh industri getah tidak boleh dipikul KKDW dan RISDA semata-mata, sebaliknya memerlukan kerjasama kerajaan negeri, agensi persekutuan dan negeri, koperasi, pihak industri, pemimpin masyarakat serta komuniti pekebun kecil.

Beliau berkata, kerajaan juga mahu mengubah persepsi terhadap industri getah dan mengembalikan komoditi itu sebagai antara sektor utama negara, memandangkan keperluan getah masih tinggi dan Malaysia turut bergantung kepada import, termasuk *latex* dan *cuplump*.

Rubiah berkata, berdasarkan rekod Jabatan Perangkaan pada Mei 2026, pekebun kecil menyumbang 89.4 peratus daripada pengeluaran getah asli negara, membuktikan golongan itu nadi utama industri getah.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 11 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	New Sarawak Tribune
TAJUK	About 38,000ha of rubber plantations left untapped
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdhtsp4p

About 38,000ha of rubber plantations left untapped

BY RASHEEQA BAHIDA
tribunenew2019@gmail.com

KUCHING: About 38,000 hectares of mature rubber plantations in Sarawak are currently left untapped, despite their potential to contribute to national rubber production.

Deputy Minister for Rural and Regional Development Datuk Rubiah Wang said the plantations, all owned by smallholders, had been identified for intervention by the Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA).

"We do not want existing rubber estates to go to waste. The trees are already mature and capable of producing results, but they are left untapped.

"If the smallholders are unable or unwilling to manage the estates themselves, RISDA Plantation can undertake the work on their behalf through a special agreement with the owners," she told reporters after officiating at the RISDA Smallholders Convention for the Sarawak Zone 2026 yesterday.

Rubiah said RISDA was currently identifying and engaging landowners, many of whom were elderly, had migrated elsewhere or no longer had anyone to manage their rubber estates.

She stressed that the arrangement was not automatic, with owners first given the option to manage their own plantations with assistance from RISDA under its idle rubber programme.

"RISDA Plantation will only come in if the owners agree. It is a win-win arrangement under a special agreement, with the main objective of ensuring that the existing rubber trees are productive," she said.

Rubiah said the initiative formed part of wider efforts to increase Malaysia's rubber output, particularly as the country continued to rely heavily on imports of rubber, including latex and cup lump.

She added that RISDA was also encouraging smallholders to improve productivity through modern tapping techniques, good agricultural practices, fertiliser application and other technologies.

At the same time, RISDA Plantation has introduced collection centres and mobile transport services to make it easier for smallholders to sell their rubber.

She said the approach, coupled with RISDA's role as an anchor buyer, had helped improve rubber prices from an average of between RM2.75 and RM2.80 per kilogramme previously.

The government had previously provided incentives to bring the price up to RM3, while prices had since reached as high as RM5 in Peninsular Malaysia. In Sarawak, the highest recorded price was RM4.20, although the current price stood at around RM4 due to market fluctuations.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 11 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	Kebun getah terbiar di Sarawak berpotensi diusahakan semula
PAUTAN	https://tinyurl.com/mptm29fa

Kebun getah terbiar di Sarawak berpotensi diusahakan semula

38,000 hektar kebun getah tidak lagi ditoreh dikenal pasti berpotensi diusahakan bagi tingkat pengeluaran getah negara

Oleh Marlinda Mardzuki

KUCHING: Kira-kira 38,000 hektar kebun getah matang yang tidak lagi ditoreh di Sarawak dikenal pasti berpotensi untuk diusahakan semula bagi meningkatkan pengeluaran getah negara.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Datuk Rubiah Wang berkata, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) kini sedang mengenal pasti pemilik kebun berkenaan sebelum mendapatkan persetujuan mereka untuk pengurusan semula melalui RISDA Plantation Sdn Bhd (RPSB).

Katanya, kebanyakan kebun berkenaan tidak lagi diusahakan disebabkan faktor usia pemilik, selain sebahagiannya telah berpindah dan tidak lagi menguruskan kebun masing-masing.

"Kalau individu ini tidak mahu mengusahakan ladang getah ini sendiri, RPSB boleh mengusahakannya bagi pihak mereka dalam situasi menang-menang melalui perjanjian khas dengan pemilik berkenaan.

"Langkah itu bertujuan memastikan pokok getah yang sudah matang terus menghasilkan hasil dan tidak dibiarkan tanpa ditoreh kerana tujuan utama kita adalah untuk meningkatkan pengeluaran getah negara.

"Kita tidak mahu membazirkan ladang yang sudah ada tetapi tidak ditoreh," katanya ketika sidang media selepas Majlis Perasmian Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Peringkat Zon Sarawak Tahun 2026 di sini, semalam.



UNTUK ALBUM: Rubiah merakam kenangan bersama yang lain pada Majlis Perasmian Konvensyen Pekebun Kecil RISDA Peringkat Zon Sarawak Tahun 2026 semalam.

> "Kalau individu ini tidak mahu mengusahakan ladang getah ini sendiri, RPSB boleh mengusahakannya bagi pihak mereka dalam situasi menang-menang melalui perjanjian khas dengan pemilik berkenaan."

Rubiah berkata, pengurusan kebun berkenaan bagaimanapun tidak dilakukan secara automatik, sebaliknya RISDA terlebih dahulu perlu mengenal pasti pemilik dan mengadakan rundingan dengan mereka.

Sementara itu, beliau memberitahu, RISDA turut berperanan sebagai pembeli utama getah menerusi RPSB bagi memastikan pekebun kecil mempunyai akses kepada pasaran serta memperoleh harga yang lebih berpatutan.

Katanya, pendekatan berkenaan berjaya meningkatkan harga getah daripada sekitar RM2.75 hingga RM2.80 sekilogram sebelum ini kepada kira-kira RM5 sekilogram di Semenanjung, manakala harga tertinggi direkodkan di Sarawak ialah RM4.20 sekilogram.

"Bagaimanapun, hari ini harga di Sarawak sekitar RM4 sekilogram kerana harga getah bergantung kepada pasaran," katanya.

Beliau menambah, usaha itu secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil, khususnya di kawasan luar bandar.

Bagi memudahkan urusan pemasaran, Rubiah berkata RISDA turut menyediakan pusat pengumpulan getah serta perkhidmatan pengangkutan bergerak untuk membantu pekebun kecil menghantar hasil mereka kepada RISDA Plantation.

"RISDA akan turun mendapatkan getah daripada pekebun kecil, jadi mereka tidak perlu bergerak dan menanggung kos tambahan untuk menjual hasil.

"Pengumpulan ini bukan setiap hari tetapi dilakukan beberapa kali seminggu mengikut jadual dan RISDA akan bergerak ke kampung-kampung untuk mendapatkan hasil getah," jelasnya.

Rubiah berkata, RISDA pada masa sama terus memberi tumpuan kepada peningkatan produktiviti menerusi amalan pertanian baik, termasuk penggunaan teknologi dalam kaedah penorehan dan pembajaan.

Katanya, pendekatan itu bertujuan meningkatkan pengeluaran susu getah daripada setiap kebun yang diusahakan pekebun kecil.